

"Mereka boleh membantu dari segi kajian mahu pun penyelidikan bagi memastikan pengeluaran makanan serta hasil pertanian negara mencukupi untuk keperluan tempatan

Dr Ghizan Saleh



HARIAN METRO

Kuala Lumpur

Konvensyen Nasional Peguam Syarie Malaysia 10 November

Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) akan menganjurkan Konvensyen Nasional Peguam Syarie Malaysia di Dewan Serbaguna Masjid Tuanku Ismail Petra, di sini, 10 November ini.

Presidennya, Musa Awang dalam satu kenyataan berkata, konvensyen itu diadakan bertujuan menggesa kerajaan supaya menyelesaikan pembentangan Akta Profesional Guaman Syarie (APGS) di sidang Parlimen akan datang.

"Konvensyen kali keempat ini akan mengumpulkan peguam syarie dari seluruh negara termasuk dari Sabah dan Sarawak.

"Penganjuran konvensyen pada kali ini dilihat platform besar bagi PGSM untuk mengenal-

pasti kelemahan berkaitan pentadbiran peguam syarie di negara ini," katanya.

Menurutnya, PGSM juga menyeru semua peguam syarie di seluruh negara untuk menyertai konvensyen berkenaan yang mana ia terbuka kepada semua peguam syarie, pelatih dalam kamar, kakitangan kerajaan, kakitangan swasta, pertubuhan bukan kerajaan, pelajar institusi pengajian tinggi dan orang awam.

Antara pengisian program yang bakal dilaksanakan semasa konvensyen berlangsung adalah pembentangan kertas kerja, sesi forum dan penyerahan memorandum gesaan yang bertemakan Memprofessionalkan Peguam Syarie di Malaysia.

Kepakaran tempatan tambah hasil makanan



Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Ke pakaran tenaga tempatan dalam bidang bioteknologi, penerangan dan teknologi makanan perlu digunakan sepenuhnya bagi menambah pengeluaran hasil pertanian serta produk makanan negara.

Menurut Ketua Kluster Pertanian dan Makanan, Majlis Profesor Negara (MPN) Profesor Dr Ghizan Saleh, menerusi Bajet 2018 yang akan dibentangkan

■ Langkah dapat tingkatkan pengeluaran pertanian negara dalam jangka panjang

27 Oktober ini, kerajaan disarankan supaya menggunakan sebaik mungkin khidmat kepakaran pensyarah tempatan.

"Kita mempunyai ramai pakar dalam bidang pertanian dan teknologi makanan yang setaraf dengan pakar luar negara.

"Mereka boleh membantu dari segi kajian mahu pun penyelidikan bagi memastikan pengeluaran makanan serta hasil pertanian negara mencukupi untuk keperluan tempatan," katanya ketika dihubungi.

Mengulas lanjut mengenai penggunaan tenaga pakar tempatan, Dr Ghizan yang juga pensyarah di Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, kerajaan perlu mempertimbangkan pemberian peruntukan tambahan kepada kajian berkaitan biji benih.

Kata beliau, benih adalah keperluan asas utama da-

lam bidang pertanian dan tanpa benih berkualiti, penghasilan tanaman akan berkurangan.

"Penyelidikan berkaitan penyimpanan, salutan benih dan teknologi-teknologi berkaitan adalah amat perlu bagi meningkatkan kualiti output pertanian negara.

"Selama ini kita banyak bergantung kepada biji benih yang diimport dari negara luar. Jika kita mampu menghasilkan biji benih berkualiti sendiri, ia akan memberi banyak penjimatatan untuk jangka masa panjang," katanya.

Dalam pada itu, Dr Ghizan turut menyarankan kerajaan supaya segera mengambil langkah proaktif menstabilkan harga barang pertanian bagi menarik minat golongan belia menceburinya ke dalam bidang berkembang.

Kata Dr Ghizan, belia lebih ramai tertarik mence-

buri sektor tanaman komoditi seperti kelapa sawit kerana harganya lebih stabil berbanding tanaman pertanian lain.

"Jika harga barang pertanian lebih stabil, kita yakin lebih ramai belia akan menceburinya kerana berasa lebih terjamin.

"Selain itu, pemberian insentif khas juga mampu menarik minat generasi muda menceburinya ke dalam pertanian dan pengeluaran makanan," katanya.

Dr Ghizan turut berharap Bajet 2018 yang akan dibentangkan kelak akan dapat membawa khabar gembira kepada sektor pertanian dan pengeluaran makanan negara.

"Kita minta peruntukan untuk sektor pertanian akan ditambah kerana pertanian dan pengeluaran makanan adalah keperluan utama bagi menjamin ke sejahteraan negara," katanya.